

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes tempatan baharu meningkat minggu lalu

Bilangan pesakit ke CAC turut catat peningkatan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Sepang: Jangkitan kes tempatan baharu COVID-19 mencatat peningkatan 28.1 peratus sepanjang Minggu Epidemiologi ke-24 (ME 24/2022), iaitu antara 12 Jun hingga Sabtu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan itu membabitkan daripada 11,076 kes ME sebelumnya kepada 14,187 kes.

Bagaimanapun, katanya, bilangan kes import turun 60.0 peratus, iaitu daripada 20 kes kepada lapan kes, manakala kes kematian turut berkurangan kepada 16.0 peratus, iaitu 25 kes kepada 21 kes bagi tempoh sama.


"Purata kes aktif setiap hari bagi ME 24/2022 adalah 24,053, iaitu peningkatan 9.3 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya dalam kenyata-

an di sini, semalam.

Beliau berkata, jumlah kemasukan pesakit COVID-19 di hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk meningkat empat peratus sepanjang ME 24/2022, iaitu antara 12 Jun hingga Sabtu lalu.

Dr Noor Hisham berkata, peningkatan pesakit ke hospital awam itu membabitkan pesakit kategori satu dan dua, iaitu 17 peratus.

"Kemasukan pesakit kategori tiga hingga lima berkurangan lapan peratus, manakala pera-



tusan pengisian katil fasiliti kesihatan COVID-19 menunjukkan peningkatan berbanding minggu sebelumnya.

"Penggunaan katil bukan kritikal meningkat satu peratus, manakala penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) meningkat dua peratus.

"Jumlah pesakit yang memer-

lukan alat bantuan pernafasan meningkat 33 peratus, manakala penurunan dapat dilihat di Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), iaitu berkurangan satu peratus," katanya.

Beliau menegaskan, pemantauan di pusat penilaian COVID-19 (CAC) turut menunjukkan peningkatan di seluruh negara.

Katanya, bilangan pesakit ke CAC meningkat 22.1 peratus, kes COVID-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah meningkat 37.6 peratus dan bilangan kes COVID-19 yang dirujuk CAC ke PKRC atau hospital meningkat 11.4 peratus.

"Untuk trend kes aktif harian COVID-19 yang dipantau secara maya (CAC Maya), pada akhir ME 24/2022 ia meningkat 26.2 peratus berbanding pada akhir ME 23/2022 (dari 21,591 kes kepada 27,247 kes)," katanya.

Mengenai hasil surveilan COVID-19 di lokasi sentinel seluruh negara pada ME 24/2022, Dr Noor Hisham mendapati, kadar positif sampel kes Penyakit Seperti Influenza (ILI) bagi COVID-19 menurun 28.6 peratus, iaitu 8.4 peratus pada ME 23/2022 kepada enam peratus pada ME 24/2022.

"Kadar positif sampel jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) minggu ini meningkat 4.4 peratus, iaitu 0.0 peratus pada ME 23/2022 kepada 4.4 peratus pada ME 24/2022," katanya.

Malaysia catat sifar kematian kelmarin

Putrajaya: Buat kali pertama sejak 18 Disember 2020, Malaysia tidak merekodkan sebarang kes kematian akibat jangkitan COVID-19, kelmarin.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata kali terakhir negara merekodkan sifar kes kematian ialah pada 18 bulan lalu.

"Hari ini (19 Jun), buat pertama kali sejak 18 Disember 2020, Malaysia melaporkan sifar kematian akibat COVID-19.

"Peralihan berterusan kita kepada fasa endemik ditentu ukur dan dipacu oleh data. Sama-samalah kita berdoa ia terus membahayakan hasil," katanya dalam ciapan di Twitter,

malam kelmarin.

Untuk rekod, Malaysia kali pertama mencatatkan kes kematian akibat COVID-19 ialah pada 17 Mac 2020 dan sehingga kini jumlah angka korban terus meningkat kepada 35,732 kes.

Daripada jumlah yang dilaporkan itu, sebanyak 7,579 kes adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) atau pesakit meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Sepanjang penularan COVID-19 di negara ini, paling tinggi kes kematian dilaporkan adalah pada 22 September 2021 dengan 487 kes direkodkan dan daripada jumlah itu, sejumlah 161 kes adalah BID.

'Usah risau jangkitan, data liputan vaksin tahap baik'

Putrajaya: Masyarakat tidak perlu bimbang dengan peningkatan kembali kes COVID-19 di Malaysia dan beberapa negara ASEAN yang lain kerana data bagi liputan vaksin berada pada tahap yang baik.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata hanya terdapat satu atau dua negara yang liputan vaksinnya masih rendah, iaitu 20 peratus seperti yang dilaporkan di Myanmar.

Katanya, masyarakat perlu melihat tiga indikator utama COVID-19, antaranya kemasukan pesakit ke dalam hospital dan jumlah kematian yang dilaporkan sebelum mengatakan

kes di sesebuah negara itu meningkat secara mendadak.

"Kita akui, walaupun dengan vaksin masih ramai yang dijangkiti wabak berkenaan, kesan sampingan yang dihadapi pesakit lebih ringan berbanding mula-mula penularan virus berkenaan di negara ini," katanya kepada BH, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham memaklumkan jumlah kes baharu COVID-19 di negara ini meningkat sebanyak 27.9 peratus atau 11,096 kes kepada 14,195 kes berbanding pada minggu sebelumnya (ME ke-23).

Dr Malina berkata, walaupun



Dr Malina Osman

kini masyarakat sudah mula leka dengan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP), masih ramai yang terlindung daripada dijangkiti COVID-19 kerana masing-masing sudah mempunyai vaksin.

"Kalau zaman sebelum adanya vaksin, kita memang risau apabila lihat data kenaikan kes. Ketika itu jangkitan memang senang nak dapat, malah kita masih belum mempunyai rawatan yang selanjutnya.

"Namun, kini walaupun ramai yang dijangkiti, kesan sampingannya tidak seteruk

dahulu, yang banyak terdedah kepada bahaya dan memerlukan rawatan lanjut," katanya.

Bagaimanapun, Dr Malina berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) masih perlu membuat pemantauan supaya data yang diperoleh dengan tepat dan membantu negara mengawal dan cegah penularan COVID-19.

Bagi Naib Presiden Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik), Prof Madya Dr Rafidah Hanim Mokhtar, peningkatan kes ini sudah dijangkakan kerana rakyat Malaysia baru menyambut Aidilfitri serta berkumpul ketika cuti persekolahan.

"Trend kenaikan kes COVID-19 ini adalah seperti dijangkakan kerana kita baru

merayakan Aidilfitri, diikuti dengan cuti sekolah. Kita melihat sepanjang Syawal pelbagai perhimpunan, majlis hari raya dan kenduri-kendara diadakan di seluruh negara.

"Kita memang perlu menerima hakikat bahawa kita hidup dengan virus COVID-19 dan meneruskan aktiviti seperti biasa, tetapi saya bimbang apabila kita agak lalai dengan SOP yang ditetapkan seperti menjaga jarak, pemakaian pelitup muka, membasuh tangan dan menjaga jarak dalam keramaian dan kenduri-kendara.

"Aktiviti bersalaman juga mungkin masih perlu dikurangkan buat masa ini dan saya harap semua memahami rasionalnya," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Kes baharu Covid-19 ME ke-24 naik 27.9%

Kuala Lumpur: Jumlah kes baharu Covid-19 di Malaysia bagi Minggu Epidemiologi (ME) ke-24 dari 12 hingga 18 Jun meningkat sebanyak 27.9 peratus atau 11,096 kes kepada 14,195 kes berbanding pada minggu sebelumnya (ME ke-23).

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah bagaimanapun berkata, bilangan kes kematian pada ME ke-24 mencatat penurunan 16 peratus iaitu 21 kes berbanding 25 kes pada minggu sebelumnya, menjadikan jumlah kumulatif kematian akibat Covid-19 setakat ini 35,732.

Beliau berkata, purata kes aktif setiap hari bagi ME ke-24 pula meningkat sebanyak 9.3 peratus iaitu

24,053 kes berbanding ME ke-23 manakala jumlah kumulatif kes baharu kini 4,538,922.

"Purata kadar kebole-hangkitan Covid-19 (nilai Rt) pula menunjukkan peningkatan 12.5 peratus iaitu 1.08 berbanding 0.96 pada minggu sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, bilangan kes sembuh pada ME ke-24 menurun 2.6 peratus (10,806 kes kepada 10,524 kes) berbanding ME ke-23, menjadikan kumulatif kes sembuh 4,476,829 kes.

Sementara itu,

Dr Noor Hisham berkata, tiada perubahan ketara bagi jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan iaitu hospital serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) bagi setiap 100,000 penduduk untuk ME ke-24 berbanding ME sebelumnya.

"Bagaimanapun, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk meningkat empat peratus. Jumlah kes memerlukan alat bantuan pernafasan juga meningkat 33 peratus.

"Secara keseluruhan, penggunaan katil PKRC me-

nurun satu peratus dan penggunaan katil bukan kritikal pula meningkat satu peratus serta penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) meningkat dua peratus," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes positif Covid-19 yang dipantau Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) seluruh negara menunjukkan peningkatan dengan kedatangan pesakit ke CAC meningkat 22.1 peratus dan bilangan kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah juga meningkat 37.6 peratus.

Bilangan kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke PKRC atau hospital pula meningkat sebanyak 11.4 peratus, katanya.

Tiada kematian buat pertama kali

Putrajaya: Buat pertama kalinya Malaysia tidak merekodkan sebarang kes kematian akibat jangkitan Covid-19.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, negara ini kali terakhir merekodkan sifar kes kematian 18 bulan lalu iaitu pada 18 Disember 2020.

"Hari ini (semalam), buat pertama kali sejak 18 Disember 2020, Malaysia melaporkan 0 kematian akibat Covid-19.

"Peralihan berterusan kita kepada fasa endemik ditentu ukur dan dipacu oleh data. Sama-samalah

kita berdoa agar ia terus membuahkan hasil," katanya dalam ciapan di Twitter.

Untuk rekod, Malaysia kali pertama mencatatkan kes kematian akibat Covid-19 ialah pada 17 Mac 2020 dan sehingga kini jumlah angka korban terus meningkat kepada 35,732 kes.

Daripada jumlah yang dilaporkan itu, sebanyak 7,579 kes adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) atau pesakit meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Kes kematian pada ME ke-24 mencatat penurunan 16 peratus

PICKids dibuka sehingga 24 Jun

Putrajaya: Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) akan dibuka selama lima hari mulai semalam sehingga 24 Jun untuk pemberian vaksin kepada kanak-kanak yang berumur lima tahun hingga 11 tahun.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata pembukaan program vaksinasi itu adalah bersempena Minggu Imunisasi Peringkat Kebangsaan 2022 yang disambut pada 16 Jun lepas bertepatan Perlindungan Sepanjang Hayat untuk Semua.

"Pembukaan vaskinasi ini adalah bagi meraikan ibu bapa yang kini berhasrat mendapatkan vaksin Covid-19 bagi anak yang terlepas peluang sebelum ini dan keprihatinan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atas keselamatan kanak-kanak daripada penyakit cegahan vaksin," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Dr Noor Azmi berkata ibu bapa yang berhasrat mendapatkan vaksinasi berkenaan bo-

leh mendapatkan vaksinasi tanpa janji temu di klinik-klinik kesihatan di bawah KKM bermula semalam hingga Jumaat.

Beliau berkata pemberian vaksin itu adalah berdasarkan kepada stok vaksin di sesebuah fasiliti pada hari tersebut dan sekiranya stok untuk hari berkenaan habis, ibu bapa boleh membawa anak mereka pada keesokan harinya.

Dr Noor Azmi berkata ibu bapa yang baru mengetahui mengenai vaksinasi Covid-19 atau baru membuat keputusan membenarkan anak divaksinasi digalakkan mengambil peluang tersebut.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Sifar kematian akibat Covid-19

Malaysia buat pertama kali catat tiada kematian pada Ahad lalu sejak Disember 2020

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID dan NUR IFITTAH ROZLAN

SHAH ALAM

Malaysia buat pertama kali mencatatkan sifar kematian akibat Covid-19 pada Ahad sejak 18 Disember 2020.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, peralihan kepada transisi endemik juga telah diukur dan dipacu dengan data.

"Hari ini (Ahad), buat pertama kali sejak 18 Disember 2020,

Malaysia melaporkan sifar kematian akibat Covid-19," katanya menerusi ciapan di Twiternya pada Ahad.

Dalam pada itu, bilangan kes baharu Covid-19 di negara ini bagi minggu epidemiologi (ME) ke-24 dari 12 hingga 18 Jun meningkat sebanyak 27.9 peratus iaitu 14,195 kes berbanding 11,096 kes pada minggu sebelumnya (ME ke-23).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia kini berjumlah 4,538,922 kes.

Beliau berkata, purata kes aktif setiap hari bagi ME ke-24 pula meningkat sebanyak 9.3 peratus iaitu 24,053 kes berbanding minggu sebelumnya.

"Purata kadar kebolehtahanan Covid-19 (nilai

Rt) juga menunjukkan peningkatan sebanyak 12.5 peratus iaitu 1.08 berbanding 0.96 pada minggu sebelumnya," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurut beliau, bilangan kes sembuh pada ME ke-24 menurun sebanyak 2.6 peratus (10,806 kes kepada 10,524 kes) berbanding ME ke-23, menjadikan kumulatif kes sembuh sebanyak 4,476,829.

Ujarnya, kes kematian pada ME ke-24 juga menunjukkan penurunan kepada 16 peratus, dengan 25 kes berbanding 21 kes pada minggu sebelumnya menjadikan kumulatif kematian 35,732.

Sementara itu, beliau berkata, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan iaitu hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19



KHAIRY JAMALUDDIN



Khairy Jamaluddin
@KhairyJ

Today, for the first time since 18th December 2020, Malaysia will be reporting 0 deaths due to COVID-19.

Ciapan Twitter Khairy pada Ahad.

(PKRC) bagi setiap 100,000 penduduk tidak menunjukkan perubahan ketara pada ME ke-24 berbanding ME sebelumnya.

"Namun begitu, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk meningkat sebanyak empat peratus. Jumlah kes memerlukan alat bantuan pernafasan pula meningkat sebanyak 33 peratus.

"Secara keseluruhan, penggunaan katil PKRC menurun sebanyak satu peratus, manakala

penggunaan katil bukan kritikal meningkat satu peratus dan penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) juga meningkat dua peratus," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes positif Covid-19 yang dipantau Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara menunjukkan peningkatan dengan kedatangan pesakit ke CAC meningkat sebanyak 22.1 peratus dan bilangan-kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah juga meningkat 37.6 peratus.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

540 BEDS

2 SELANGOR CENTRES SERVING AS PKRC

Klang hospital and National Leprosy Control Centre replace MAEPS in Klang Valley

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE National Leprosy Control Centre (NLCC) in Sungai Buloh and the Tengku Ampuan Rahimah Hospital (HTAR) in Klang, both in Selangor, are now serving as Covid-19 Quarantine and Low Risk Treatment Centres (PKRC).

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the central region PKRC at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), which was reactivated in late February, had been closed.

In early May, he said the MAEPS PKRC would be shut down due to the declining number of patients.

"The MAEPS PKRC was closed last month (May) and NLCC and HTAR PKRC have been opened to cater to patients in the Klang Valley.

"NLCC and HTAR PKRC have 510 and 30 beds respectively. Up to June 13, there were 10 patients and patient under investigation at NLCC and four at HTAR.

"Categories of patients admit-

ted into PKRC are mainly 1 and 2," he told the *New Straits Times*.

MAEPS PKRC was first opened in 2020 before it was closed on Feb 8 this year.

Less than three weeks later, however, it was reopened due to the increasing number of patients infected with the Covid-19 Omicron strain.

Dr Noor Hisham said NLCC and HTAR were two of six PKRCs that were active nationwide up to June 6, with a total of 706 beds.

In Kelantan, there are three PKRCs: Tumpat Hospital Training Centre with 80 beds, Tengku Anis Hospital's Ruffaida Hostel (46 beds) and Pasir Mas Hospital training hostel (30 beds).

In Sabah, the Health Ministry Training Institute in Sandakan serves as a 10-bed PKRC.

Given the low number of patients at the PKRC, Dr Noor Hisham said the ministry had been assessing the need to close or scale them down.

He said PKRCs would be managed by state Health Departments.

He said there were 518 Covid-19 Assessment Centres (CAC), of which 12 were not in the ministry's health facilities, such as sports centres and council halls.

In Epidemiological Week (EW) 23 from June 5 to 11, CACs assessed 3,383 patients, he said.

He shared data showing a downward trend of cases seen by CACs between EW19, with 4,659 patients, and EW22, with 3,704.

"The ministry tracks daily ac-

tive cases through the virtual CAC.

"The number of active cases has increased by six per cent from 20,363, in EW22, to 21,591 in EW23. Ministry staff do not visit Covid-19 patients who are isolating at home. All patients are empowered to adhere to the Home Surveillance Order (HSO).

"In emergencies, patients can contact the emergency contact number for assistance or go to the emergency department of the nearest hospital," he added.

He said 26,510 cases were monitored at home by CAC General Practitioners (CACGP) in 2021, but the number had dropped to 2,773 this year.

Prior to August 2021, selected GPs had been appointed under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act (Act 342) to monitor cases at home, and issue the HSO, wristband and Release Order, he said.

With the advent of the digital HSO via the MySejahtera application, beginning August 2021, all GPs were allowed to remotely monitor Covid-19 cases, he said.

This, he added, was for patients who preferred to see their own GP.

"However, the figures for 2022 are likely an underestimation, as the majority of GPs do not claim payment from the ministry as they enrol and see patients on their own.

"Of the 1,459 GPs appointed under Act 342, 87 were offering CACGP services up to March this year," he said.

No deaths reported on Sunday

KUALA LUMPUR: For the first time since Dec 18, 2020, Malaysia reported zero deaths due to Covid-19 on Sunday, said Health Minister Khairy Jamaluddin on Twitter.

"Our transition to endemicity has been calibrated and data-driven. Let us pray it continues paying off," the minister tweeted on Sunday.

The coronavirus has claimed 35,732 lives in Malaysia in two years.

However, since April 22, daily deaths were in single digits. The highest number of fatalities since

then were nine deaths, reported on April 28.

No brought-in-dead cases have been reported since June 15.

On average, eight deaths occurred for every one million people in the country since the country began its transition to endemicity two months ago.

Malaysia reported 1,690 Covid-19 cases on Sunday, a decrease from the 2,127 logged on Saturday.

The CovidNow portal reported that only 10 of these cases were imported.

Malaysia's case tally is

4,540,612, and the recovery tally is 4,478,936.

The number of active cases has dropped to 25,944 after 2,108 patients recovered from Covid-19 on Sunday.

According to the portal, 24,906 people are isolating at home, while 15 are at quarantine and treatment centres.

About 1,000 patients are in hospital, including 414 admitted on Sunday.

Twenty-three patients are in Intensive Care Units (ICU), including 15 of them on ventilator support.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

PICKids drive for children who missed earlier vaccination

PUTRAJAYA: The National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) will be open for five days, from yesterday until Friday, for children aged five to 11 to get vaccinated.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said the vaccination drive was in conjunction with the 2022 National Immunisation Week on June 16.

"The opening of this vaccination is for parents who now wish to get the Covid-19 vaccine for children who missed it before and to address Health Ministry concerns over the safety of children from vaccine-preventable diseases," he said yesterday.

Noor Azmi said parents can get their children vaccinated without an appointment at health clinics under the ministry until Friday.

The distribution was based on available vaccines on that day. If the day's stock has run out, parents would have to return the next day.

Noor Azmi said parents who have just learned about the Covid-19 vaccination, or have just decided to allow their children to get vaccinated, are encouraged to take up the opportunity.

He said for children reaching the age of five, parents can still book vaccination appointments, according to the date and place of vaccination of choice, through the MySejahtera application. - Bernama

16% drop in Covid-19 deaths: Health DG

KUALA LUMPUR: Malaysia has recorded a 27.9% increase in the number of new Covid-19 cases for the 24th epidemiological week (ME24), from June 12 to 18, to 14,195 cases compared with 11,096 cases reported in the previous week (ME 23).

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said however, the number of deaths in ME24 showed a 16% drop, with 21 cases compared with 25 cases the previous week, bringing the

cumulative number of fatalities due to Covid-19 to 35,732.

He said the average daily active cases for ME24 recorded a 9.3% increase at 24,053 cases compared with the previous week, while the cumulative number of Covid-19 cases in the country currently stood at 4,538,922.

"The average infectivity rate (Rt value) showed a 12.5% increase at 1.08, compared with 0.96 reported in the previous week," he said in a

statement yesterday.

He added that the number of recovered cases in ME24 also dropped by 2.6% (10,806 cases to 10,524 cases) compared with ME23, bringing the cumulative recoveries to 4,476,829.

Meanwhile, Noor Hisham said there was no significant change in the number of Covid-19 patients admission to hospitals and Covid-19 quarantine and treatment centres (PKRC) per 100,000 population for

ME24 compared with ME23.

"However, the number of Covid-19 patient admission to public hospitals per 100,000 population has increased by 4%. The number of cases requiring breathing assistance also increased by 33%.

"Overall, the bed occupancy rate at PKRC dropped by 1% and non-critical bed occupancy increased by 1% while the use of intensive care unit beds rose by 2%," he said. - Bernama